

DELEGASI MAHASISWA GEOLOGI KE INDONESIA

Oleh DR. HAZERINA PUNGUT

Pada 27 Mei hingga 1 Jun 2009 seramai 22 orang pelajar tahun 2 dan 2 orang pensyarah Program Geologi iaitu Prof. Madya Dr. Baba Musta (Timbalan Dekan P&I) dan Pn. Hazerina Pungut (Ketua Program Geologi) telah mengadakan lawatan akademik ke Indonesia. Tiga negeri telah dilawati iaitu Jakarta, Semarang dan Bandung. Objektif utama lawatan akademik ini ialah untuk melihat potensi kerjasama akademik-penyelidikan dan hal ehwal pelajar antara UMS dan universiti di Indonesia khususnya di Universiti Diponegoro (UNDIP), Semarang dan di Institut Teknologi Bandung (ITB), Bandung, Indonesia. Pada hari pertama tiba di Jakarta, delegasi dibawa ke Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia dan disambut oleh Dr Junaidy Abu Bakar iaitu Penasihat Menteri (Pendidikan) Minister Counsellor (Education). Perjalanan bermula dengan menaiki bas selama 12 jam ke Semarang, Jawa Tengah dan tiba di Universiti Diponegoro (UNDIP) yang disambut meriah warga UNDIP dan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) iaitu Baba Sukinta. Pentadbir lain yang terlibat ialah Dr Muhammad Nur Timbalan Rektor (Pembangunan dan Kerjasama), Pak Dwiyanto JS iaitu Ketua Fakultas Teknik UNDIP (Teknik Geologi terletak di bawah Fakulti Teknik/Kejuruteraan), dan juga Ir. Prakosa Rachwibowo merangkap Ketua Jabatan Teknik Geologi. Lawatan ke UNDIP juga adalah sebagai lawatan balas kunjungan pelajar mereka ke UMS pada tahun 2008 yang lalu. Hari berikutnya, perjalanan disambung ke Bandung dan delegasi tiba di Institut Teknologi Bandung (ITB) dan disambut oleh para pelajar Teknik Geologi serta Dekan Fakultas Ilmu dan Teknologi Kebumihan, Dr Ir. Lambok M. Hutasoit, Ketua Program MSc dan PhD, Dr Imam A. Sadisun, Ketua Program Sarjana Teknik Geologi, Dr. Ir. Dardji Noeradi, Dr. Nurcahwo Basuki pensyarah Geologi Ekonomi dan Petrografi, dan Dr. Eddy A Subroto, Pensyarah Geokimia Petroleum. Semasa di Bandung, beberapa tempat menarik dilawati seperti Gunung Tangkuban Parahu, Kawah Putih Gunung Patuha dan Air Terjun Maribaya yang diketuai oleh Ir. Niniek Rina Herdianita, pensyarah bidang Geokimia dan Geothermal. Lawatan ke Indonesia ini turut diisi dengan memberi sedikit sumbangan kepada penduduk Tanjung Mas, Semarang dan sebuah rumah anak yatim di Bandung.



Penyampaian cenderahati kepada Dr. Junaidy Abu Bakar



Delegasi bersama Pegawai Malaysia di Kedutaan



Delegasi bersama pensyarah dan pelajar UNDIP